



LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPL/600/Q01/2021

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

Tarikh Iklan : 01 Julai 2021

Tarikh Tutup : 30 Julai 2021 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : 210201- Alat Perhubungan; ATAU
210202- Sistem Perhubungan dan Telekomunikasi; ATAU
210203- Aksesori Perhubungan dan Telekomunikasi

LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
D/A (BINTULU PORT AUTHORITY)
Aras Lobi,5,8,9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak Malaysia
Tel : 087-424833
Faks: 086-251300

NOTIS SEBUT HARGA

LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

NOTIS SEBUT HARGA

- Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	LAWATAN TAPAK	KELAYAKAN
LPL/600/Q01/2021 SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN	01 Julai 2021	30 Julai 2021 Jam 12.00 Tengahari	<p>TARIKH & MASA TAKLIMAT:</p> <p>07 Julai 2021, Rabu 09.30 Pagi – 11.30 Pagi</p> <p>Nota: Taklimat akan diadakan secara video conference (VC), sila hubungi urusetia perolehan bagi mendapatkan link VC tersebut.</p> <p>MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK:</p> <p>12 Julai 2021, Isnin 09.00 Pagi sehingga 04.00 Petang</p> <p>Lembaga Pelabuhan Labuan, Aras 3, Bangunan Jabatan Laut, Jalan Merdeka 87020, Wilayah Pesekutuan Labuan</p> <p>PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:</p> <p>En Awang Saffarudin Bin Awang Saifudin 086- 232883/ 0134231204</p> <p>Pn. Asmanah Binti Saibin 087-424833/ 01131483163</p>	<p>Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai kod bidang seperti berikut:-</p> <p>210201 : Alat Perhubungan; ATAU</p> <p>210202 Sistem Perhubungan dan Telekomunikasi</p> <p>210203 Aksesori Perhubungan dan Telekomunikasi</p>

- Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **01 Julai 2021** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat www.bpa.gov.my.
- LPL tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web



LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

NOTIS SEBUT HARGA

yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
5. Pihak **LPL** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
6. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Lawatan tapak adalah **DIGALAKKAN** bagi memberi kemudahan kepada penyebut harga untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya penyebut harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
 - 6.2 Tempat, tarikh, masa dan pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti dalam Jadual di atas;
 - 6.3 Kegagalan penyebut harga menghadiri lawatan tapak boleh menyebabkan tawaran penyebut harga akan ditolak;
 - 6.4 **Semasa menghadiri lawatan tapak, penyebut harga dikehendaki membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LIPIM (CIDB) yang telah disahkan oleh pegawai dari pejabat pengeluar;**
 - 6.5 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPL** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan



LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

NOTIS SEBUT HARGA

- 6.6 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Labuan
D/A Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas **sebelum atau pada 30 Julai 2021 jam 12.00 tengahari.**
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga pelabuhan labuan (LPL) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang seperti berikut:-

- **210201- Alat Perhubungan; ATAU**
- **210202- Sistem Perhubungan dan Telekomunikasi; ATAU**
- **210203- Aksesori Perhubungan dan Telekomunikasi**

3.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 3.1 Tempoh kontrak adalah selama **empat (4) bulan** dari tarikh Arahan Mula Kerja dikeluarkan.
- 3.2 Penyebut harga hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada LPL sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum apa-apa penghantaran dibuat.
- 3.1 Pegawai Pengawas berhak membuat pemeriksaan terhadap item serta jumlah item yang dibekalkan sebelum penyerahan dibuat. Sekiranya Pegawai Pengawas tidak berpuas hati dengan item dan/atau jumlah item yang dibekalkan, pegawai pengawas berhak memulangkan semula item tersebut dan digantikan item yang difikirkan berkualiti oleh Pegawai Pengawas.
- 3.3 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q)**. Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

4.0 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor adalah **DIGALAKKAN** untuk melawat tapak dan melihat keadaan dan persekitarannya dan telah memastikan atas dirinya, sebelum mengemukakan Sebut harga, sejauh mana dan secara mana kerja, peralatan dan bahan yang akan digunakan untuk melaksanakan kerja, kaedah komunikasi dan laluan ke tapak, dan secara am, telah mendapatkan untuk dirinya segala maklumat yang diperlukan yang meliputi risiko dan semua keadaan yang boleh mempengaruhi Sebut harganya.

Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang tapak dan persekitarannya jika Sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (Superintending Officer, SO) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausa ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen samada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara man maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah mengguna dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

Butiran berkenaan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Tarikh & Masa Taklimat : **07 Julai 2021, Rabu**
Lawatan tapak : **09.30 Pagi – 11.30 Pagi**

Nota: Taklimat akan diadakan secara video conference (VC), sila hubungi urusetia perolehan bagi mendapatkan link VC tersebut.

Lokasi Pendaftaran : **Lembaga Pelabuhan Labuan, Aras 3, Bangunan Jabatan Laut, Jalan Merdeka 87020, Wilayah Pesekutuan Labuan**

Tarikh : **12 Julai 2021, Isnin**

Masa : **09.00 Pagi sehingga 04.00 Petang**

Pegawai Dihubungi 1 : **Encik Awang Saffarudin Bin Awang Saifudin**
No Tel : **086- 232883/ 0134231204**

Pegawai Dihubungi 2 : **Puan Asmanah Binti Saibin**
No Tel : **087-424833/ 01131483163**

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke lawatan tapak akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

5.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

6.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokumen Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Bil.	Perkara
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	TAWARAN TEKNIKAL Lampiran A Skop Kerja & Spesifikasi Teknikal Lampiran A1 Warta Had Pelabuhan Teluk Victoria
3	TAWARAN KEWANGAN Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q) Lampiran C Ringkasan Tawaran Harga / Bill Of Quantity Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat Lampiran F Surat Akuan Pembida Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa Lampiran H Pengalaman Syarikat Lampiran I Format Bon Pelaksanaan

7.0 SEBUT HARGA

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.

- 7.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 7.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembedulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembedulan hendaklah diperakukan.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

- 7.3 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 7.4 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

8.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 8.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/ pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.
- 8.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
- (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
 - (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
 - (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

9.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 9.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 6.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 8.2**.
- 9.2 **Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau 'Original' manakala dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau 'Duplicate'.**

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

- 9.3 Satu (1) CD yang mengandungi *soft copy* bagi dokumen sebut harga turut disertakan bersama dengan Dokumen Pelawaan ini.
- 9.4 Para Penyebut harga HANYA DIBENARKAN menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga DILARANG SAMA SEKALI menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti Penyebut harga di dalam dua (2) dokumen salinan tersebut.
- 9.5 Ketiga-tiga salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA NO.: LPL/600/Q01/2021– SEBUT HARGA MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN
KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebut harga. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 9.6 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 9.7 LPL tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 9.8 LPL tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyedia dan menghantar sebut harga.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

- 9.9 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03-7985 7888 atau emel bantuan@eperolehan.gov.my.
- 9.10 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my>.

10.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

- 10.1 Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPL dalam tempoh ini.
- 10.2 Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

12.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 12.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPL bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 12.2 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPL juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

13.0 HARGA TAWARAN

- 13.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPL/600/Q01/2021 – Sebut Harga Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentaulliah Peralatan Komunikasi Dan Aksesori Menara Kawalan Lembaga Pelabuhan Labuan.**
- 13.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 13.3 Borang Lampiran Q dan Ringkasan Harga Tawaran / *Bill Of Quantity* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 13.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

13.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

13.5.1 ***Nett Delivered:***

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan.

13.5.2 ***Free On Board (FOB):***

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPL.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

13.5.3 ***Cost, Insurance & Freight (CIF):***

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

13.5.4 ***Ex-Work (EXW):***

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

13.5.5 ***Free Carrier (FCA):***

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

13.6 CUKAI PERKHIDMATAN

13.6.1 Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka LPL akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaaan Cukai Perkhidmatan.

13.6.2 Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM , penyebut harga hendaklah memaklumkan LPL supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPL. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPL mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPL.

13.7 LPL tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPL sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

14.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPL berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap sebut harga yang telah dibuka.

15.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan sebut harga, memaklumkan kepada LPL dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Intepretasi atau penjelasan ke atas Dokumen sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPL seperti dijelas dalam perkara 16 di bawah.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

16.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan sebut harga ditolak.

17.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

17.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

17.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan LPL
- iv) Menerima dan memberi rasuah

17.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

18.0 HAK LPL APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

18.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPL boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

18.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPL. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPL boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPL;

18.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;

18.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan

18.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

19.0 SURAT SETUJU TERIMA

19.1 LPL adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPL tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

19.2 Keputusan LPL adalah muktamad. LPL tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

- 19.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan LPL sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPL.

20.0 BON PELAKSANAAN

- 20.1 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:-

20.1.1 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM500,000.00.; atau

20.1.2 5.0% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 atau lebih.

- 20.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:

20.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau

20.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau

20.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

20.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau

20.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

- 20.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPL adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.

- 20.4 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

21.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikut dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda-addenda yang dikeluarkan oleh LPL. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiap dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikut sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPL menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

22.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 22.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya HANYA akan dibuat dalam tempoh 14 hari SETELAH bekalan/ perkhidmatan/ kerja ini DISEMAK DAN DISAHKAN telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.
- 22.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan borang Pesanan Tempatan (Local Order – LO) berwarna putih yang telah dilengkapi, bertandatangan, mempunyai cop syarikat dan ditarikhkan beserta INBOIS ASAL dan DOKUMEN SOKONGAN seperti *Delivery Note* kepada LPL untuk tujuan bayaran.”

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

23.0 IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh LPL terlebih dahulu.

24.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

25.0 DOKUMEN TIDAK BOLEH DICACATKAN

Dokumen Sebut harga hendaklah tidak dikoyak, dokumen-dokumen diasingkan di antara satu dengan yang lain dan tiada pertambahan atau pembedaan yang tidak sah dibuat dalam Borang Sebut harga atau mana-mana bahagian Dokumen Sebut harga selain daripada mengisi ruang kosong yang perlu diisi.

26.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

26.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada LPL dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi sebut harga menjerus kepada sesuatu jenama.

26.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada LPL dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.

26.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

27.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

27.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCISO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.

27.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 17 : Pelanggaran Syarat-Syarat Sebut Harga.**

LAMPIRAN A: SKOP KERJA & SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

LAMPIRAN A

1.0 OBJEKTIF

Membangunkan sistem komunikasi dan pengurusan trafik kapal di Pelabuhan Teluk Victoria Labuan yang mampu berfungsi secara efektif dan efisien untuk Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL).

2.0 SKOP KERJA

2.1 Penyebut harga dikehendaki untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, dan mentauliah sistem peralatan komunikasi dan aksesori berkaitan yang merangkumi dan tidak terhad kepada perkara seperti berikut :-

2.1.1 *50 watts Very High Frequency (VHF) Transceiver* yang telah mendapat sijil perakuan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (sila rujuk **Jadual Perincian Spesifikasi A**);

2.1.2 *Radio dispatch console* (sila rujuk **Jadual Perincian Spesifikasi A**);

2.1.3 Peralatan/ *software* perekod/ perakam suara operator menara kawalan yang boleh diintegrasikan dengan peralatan 2.1.1 atau /dan 2.1.2 dan 2.15 . Peralatan/ *software* perekod/perakam suara tersebut hendaklah mampu menyimpan data sehingga 30 hari;

2.1.4 *Uninterruptible Power Supply (UPS)* untuk kuasa sokongan bagi peralatan 2.1.1, 2.1.2, 2.1.3 dan 2.1.5 yang mampu bertahan 3 – 4 jam;

2.1.5 Komputer desktop (sila rujuk **Jadual Perincian Spesifikasi B**);

2.1.6 Penyebut harga dikehendaki untuk menyediakan *full closed partition* yang berkeluasan 7 kaki x 7 kaki (panjang x lebar) berpintu dengan panel kaca dengan 2 unit penghawa dingin 1.5hp (*heavy duty*) yang boleh berfungsi bergilir-gilir secara automatik untuk bilik *digital mobile radio* dan peralatan berkaitan. Material *partition* hendaklah menggunakan *gypsum board* dan material pintu adalah kayu. Penyebut harga dikehendaki untuk mencadangkan perincian spesifikasi dan lukisan/gambar *rack* yang sesuai untuk menyimpan *digital mobile radio* dan peralatan berkaitan;

2.1.7 Skop kerja untuk elektrik adalah seperti di **Jadual Perincian Spesifikasi C**; dan

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
PERALATAN KOMUNIKASI DAN AKSESORI MENARA KAWALAN LEMBAGA PELABUHAN
LABUAN**

LAMPIRAN A

- 2.1.8 Skop kerja untuk pemasangan penghawa dingin adalah seperti di **Jadual Perincian Spesifikasi D**.
- 2.2 Penyebut harga dikehendaki untuk menyediakan katalog semua peralatan yang akan dibekalkan semasa menyedia dan menghantar dokumen sebut harga kepada LPL.
- 2.3 Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan lukisan teknikal pendawaian dan manual operasi/ kerja keseluruhan sistem kepada pihak LPL.
- 2.4 Penyebut harga dikehendaki untuk mendawai, memasang kabel, *cable tagging* dan *trunking* baharu berserta aksesori yang berkaitan.
- 2.5 Penyebut harga dikehendaki untuk mengintegrasikan semua peralatan dan aksesori yang dinyatakan pada para 2.1.1 sehingga 2.1.5.
- 2.6 Penyebut harga dikehendaki untuk menguji dan mentauliah sistem komunikasi dan komputer yang dipasang.

3.0 KEHENDAK AM

- 3.1 Semua bahan dan peralatan elektronik dan elektrik yang digunakan hendaklah yang baharu, berkualiti dan sesuai kepada sistem bekalan tempatan. Pihak LPL berhak untuk menolak barangan atau peralatan tersebut sekiranya tidak menepati syarat minima spesifikasi. Kos yang melibatkan penukaran peralatan adalah di bawah tanggungjawab penyebut harga itu sendiri.
- 3.2 Penyebut harga dikehendaki untuk melabel dengan kemas kesemua kabel yang dipasang dan hendaklah selari dengan pernyataan di dalam lukisan teknikal (*as-built*) yang dibekalkan.

4.0 PERATURAN

